

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan saranan yang pernah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi memperkenalkan Gaji Kehidupan Wajar terhadap golongan B40 di Malaysia bagi merealisasikan status Negara Berpendapatan Tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan telah pun melaksanakan gaji minimum seragam seluruh negara pada kadar RM1,100 sebulan (RM5.29 sejam) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019 dan kadar tersebut adalah terpakai kepada seluruh pekerja sektor swasta.
2. Berhubung cadangan mempertimbangkan gaji kehidupan wajar (*living wage*), Kerajaan berpandangan cadangan ini belum sesuai untuk dilaksanakan buat masa sekarang. Perlu juga diambil kira sekiranya cadangan ini dipertimbangkan, pelaksanaannya kelak akan meliputi pekerja asing juga kerana selaras dengan asas perburuhan sedia ada bagi memastikan tiada elemen diskriminasi dalam apa jua keadaan.

SOALAN NO : 47

3. Secara umumnya pelaksanaan gaji minimum berkonsepkan gaji pokok ini telah pun memberikan kesan positif kepada pekerja dan kesan-kesan positif tersebut adalah seperti berikut:

(i) meningkatkan bayaran kerja lebih masa pekerja yang mana sekali gus meningkatkan pendapatan;

(ii) meningkatkan simpanan pekerja melalui sumbangan caruman pekerja dan majikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan

(iii) menjamin jaringan keselamatan sosial (*social security net*) melalui peningkatan caruman pekerja dan majikan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang memastikan jaminan keselamatan pekerja dipelihara sekiranya ditimpa bencana.

4. Mekanisme sedia ada dalam menetapkan kadar gaji minimum di negara kita, MPGN telah pun mengambil kira aspek perubahan kos sara hidup iaitu Indeks Harga Pengguna (*Consumer Price Index* (CPI)) sebagai salah satu indikator dalam membuat penentuan kadar gaji minimum. Selain itu, indikator-indikator lain yang turut diambil kira adalah kadar pertumbuhan produktiviti buruh, gaji penengah atau *median wage* (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran sebenar dan Pendapatan Garis Kemiskinan.

5. Kesimpulannya dasar gaji minimum hanya merupakan salah satu dasar Kerajaan dan bukan satu-satunya dasar yang bertujuan membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan serta menampung keperluan asas. Dasar ini perlu juga dibantu oleh dasar-dasar Kerajaan yang lain bagi memastikan negara ini kekal produktif, berdaya saing dan perkembangan ekonomi yang mampan di samping rakyat memperoleh pendapatan yang munasabah.